



## REAKSI GENERASI Y TERHADAP INSTITUSI RAJA: KAJIAN KE ATAS PELAJAR IPT

Hanum Hassan<sup>1</sup>, Razli Ahmad<sup>2</sup>, Azuddin Bahari<sup>3</sup>,

Pusat Pengajian Pembangunan Insan Dan Teknokomunikasi, Blok B, Kompleks Pusat, Pengajian  
Jejawi 1., Universiti Malaysia Perlis., Jejawi Kangar Perlis 02600

<sup>1</sup>hanum@unimap.edu.my, <sup>2</sup>razli@unimap.edu.my, <sup>3</sup>azuddin@unimap.edu.my

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk meneroka tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar Intituti Pengajian Tinggi (IPT) terhadap Institusi Raja di samping mengenal pasti persepsi mereka terhadap isu-isu yang menghina Institusi Raja. Dengan menggunakan perbincangan kumpulan fokus, seramai 10 orang responden telah dipilih yang terdiri daripada pelajar IPT di negeri utara Malaysia. Data dan maklumat dikumpul melalui kaedah kualitatif dan dianalisis dengan menggunakan analisis bertema (thematic analysis). Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak semua generasi Y mempunyai sikap seperti tidak ambil peduli dan kurang meminati sejarah pembinaan negara. Malah dapatan juga menunjukkan mereka menyedari kepentingan Institusi Raja kepada negara ini. Hasil kajian juga menunjukkan generasi Y sedar bahawa Institusi Raja berperanan menjaga kestabilan dan keamanan negara dan bukanlah sekadar memenuhi nilai sejarah dan nilai sentimental bangsa sebaliknya kehadiran Raja adalah sangat membantu keberkesanan mekanisme semak dan imbang, sekali gus memperkukuh cabang-cabang eksekutif, perundangan dan kehakiman di dalam negara.*

**Kata kunci:** *Institusi Raja, Generasi Y dan Menghina.*

### PENGENALAN

Ya, ia adalah benar. Mereka banyak bertanya "MENGAPA". Mereka adalah "anak-anak" yang dilahirkan dalam persekitaran yang sering mempersoalkan 'itu' dan 'ini'. Mereka tidak dilahirkan ketika Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj berhadapan dengan peristiwa 13 Mei 1969 dan ketika MAGERAN dilaksanakan. Mereka juga kurang menyelidik dan meneroka perkara sebenar dan mempunyai pelbagai pendapat bagaimana untuk mentadbir negara dengan lebih baik. Mereka ini tidak menoleh ke belakang ketika mengeluarkan pandangan ataupun tidak menyoroti sejarah pembinaan negara. Malah, mereka inginkan kebebasan dalam membuat pilihan dan bersuara serta inginkan sesuatu secara pantas.

Mereka ini dikenali sebagai generasi Y atau generasi Net dan juga generasi milenium. Tokoh seperti William Strauss dan Neil Howe's mengkategorikan Generasi Y sebagai mereka yang lahir pada 1982 sehingga 1997. Sikap dan pemikiran generasi Y sangat berbeza dengan generasi X dan generasi *baby boomers*. Mereka ini seolah-olah terasing daripada budaya asal yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka. Menurut Lancaster & Stillman (2003), terdapat perbezaan atau jurang antara ciri-ciri bagi setiap generasi seperti kepercayaan, nilai, budaya, perspektif, kegemaran, dan trait personaliti terhadap kehidupan dan pekerjaan.

Perubahan pemikiran dan suasana itu hasil pendidikan, persekitaran dan keadaan semasa yang telah melahirkan generasi Y yang kreatif, inovatif, tidak jumud dan statik serta tidak suka kepada perkara-perkara yang lama dan perlahan. Menurut Kurniawati (2012), generasi Y adalah generasi teknologi maklumat yang menempuh zaman 'I like', 'I follow'. Mereka meluahkan pandangan melalui alam maya, media sosial atau menggunakan media interaktif di atas talian (Kurniawati, 2012). Dan mereka lebih menyukai cara berkomunikasi dengan menggunakan teks dan jaringan sosial berbanding dahulu di mana berkomunikasi dengan cara bersemuka. Dari segi personaliti, generasi X lebih bersifat terbuka, mudah untuk berbincang dan mempunyai kesabaran yang tinggi ketika menghadapi kesukaran. Sebaliknya personaliti generasi Y lebih kepada sikap memberontak atau bertindak mengikut hati. Justeru, tindak tanduk generasi Y yang mempunyai ciri-ciri yang agak istimewa ini perlu diteroka bagi mengetahui mengapakah mereka berkeadaan sedemikian. Hal ini kerana tindak tanduk mereka boleh membawa kepada kesan yang negatif kepada masyarakat.

## **PERMASALAH KAJIAN**

Setelah 58 tahun negara ini mencapai kemerdekaan, pembinaan generasi Y atau pewaris masa hadapan berada pada tahap yang memberangsangkan tetapi dalam sesetengah aspek lain terutamanya dalam hal pembangunan negara yang melibatkan sejarah dan latar belakang negara, mereka agak ketinggalan, malap dan pudar dari segi pemikiran terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan Institusi Raja. Buktinya, pada hari ini, gejala menghina Institusi Raja Melayu kian menular dalam kalangan generasi Y. Terdapat pelbagai reaksi, komen dan protes negatif yang dibuat oleh mereka menerusi media baharu seperti facebook, blog, twitter dan sebagainya terhadap Institusi Raja. Tindakan golongan ini menunjukkan seolah-olah mereka telah tersimpang jauh daripada nilai-nilai jati diri. Malah keadaan ini juga menunjukkan bahawa generasi Y seolah-olah tidak memahami bahawa Institusi Raja adalah sebahagian daripada sistem pentadbiran Negara. Seperti mana yang dititahkan oleh Raja Nazrin, bahawa pada hari ini pemahaman warga terhadap Institusi Raja bagaikan berada di dua penghujung pendulum, ada yang menghargai kewujudannya dan ada pula yang kabur dengan peranannya.

Melihat kepada beberapa peristiwa dan tindakan yang dilakukan oleh generasi Y menghina Institusi Raja ini, timbul persoalan adakah golongan ini tidak mempunyai pengetahuan mengenai Institusi Raja di Malaysia. Justeru situasi ini penting untuk diteroka kerana golongan Y adalah pewaris negara di masa hadapan. Sebagai pewaris tentulah mereka bukan sahaja mewarisi sebuah negara tetapi juga mewarisi sejarah, latar belakang, kebudayaan serta institusi yang mendasari negara berkenaan. Jika perkara ini tidak dihayati oleh mereka kemungkinan warisan tersebut tidak berupaya untuk bertahan dengan lebih lama kerana sejarah menunjukkan bahawa ketamadunan sesuatu bangsa hanya akan mampu diwarisi oleh mereka yang mempunyai nilai-nilai yang sama seperti mana pembina tamadun. Hal ini kerana pembinaan sesebuah tamadun bangsa bermula dan berteraskan asas modal insan yang kukuh dan berkualiti.

Malah, dikhuatiri juga jika golongan ini sudah di cemari dengan gejala-gejala negatif apakah bentuk manusia yang akan menjadi pewaris tampuk kepimpinan negara di masa hadapan. Ke mana mereka hendak hala tujuan negara ini kerana jika silap perhitungan negara boleh tergadai. Menurut Sidek (2012), sekiranya generasi muda umpamanya

menolak kesilaman dan mengambil sikap yang lalu itu kolot dan ketinggalan zaman dan yang terkini itu sebagai moden dan maju, sejarah menunjukkan bahawa tanpa adanya kesinambungan perjalanan sejarah dan budaya manusia akan menjadi kacau. Pandangan ini menyamai pandangan yang dinyatakan oleh Albert Schweitzer dalam bukunya *The Philosophy of Civilization*, iaitu sebab utamanya berlaku krisis dunia pada tahun 1923 adalah akibat daripada manusia telah kehilangan konsep etika dalam ketamadunan yang membawa kepada 'rudeness' atau kehilangan kehalusan atau 'civility' (Fuad, 2011).

Di samping itu, penerokaan perlu dilakukan untuk mengenal pasti adakah golongan pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia sekarang ini kurang kefahaman terhadap peranan Institusi Raja di Malaysia sama ada dalam konteks perlembagaan mahupun peranan dalam membantu pembangunan, kemajuan dan perpaduan secara umum. Generasi X dan *baby boomers* telah sedia maklum bahawa Institusi Raja telah sebatu wujud dalam perlembagaan serta dalam sistem pemerintahan di Malaysia. Kewujudan serta peranannya dalam kedua-dua aspek tersebutlah telah melonjakkan negara dalam tempoh yang singkat. Negara menjadi semakin maju dan berkembang secara positif berbanding dengan negara-negara lain yang seusia kemerdekaannya. Adakah mereka juga tidak mengetahui bahawa fungsi penting Raja sebagai payung negara, lambang perpaduan dan penyumbang kepada kelangsungan kemajuan, keselamatan dan keamanan negara.

Dalam situasi terdapatnya pihak-pihak tertentu yang mempertikaikan, memprotes dan memberi komen yang bernada negatif terhadap Institusi Raja sama ada secara senyap dan terbuka, bagaimana pula tanggapan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terhadap mereka ini. Penerokaan terhadap tanggapan mereka adalah sangat penting. Hal ini kerana merekalah yang diharapkan dapat membetulkan keadaan yang tercalar ini memandangkan mereka sepatutnya mempunyai asas pengetahuan yang jelas dan tahu akan peranan Institusi Raja dalam sistem pemerintahan di Malaysia. Malah mereka jugalah yang akan bertindak sebagai pemangkin perubahan ke arah kemajuan Negara.

Rentetan daripada perbincangan di atas, adakah permasalahan yang timbul ini memperlihatkan tahap pengetahuan dan kefahaman serta penghayatan generasi Y semakin berkurangan terhadap Institusi Raja. Isu-isu yang berkaitan generasi y sememangnya menarik untuk dikaji dan diteroka. Oleh itu kajian ini ingin meneroka tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar IPT terhadap Institusi Raja di samping mengenal pasti persepsi mereka terhadap isu-isu yang menghina Institusi Raja.

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap Institusi Raja
2. Untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap peranan Institusi Raja
3. Untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap isu-isu menghina Institusi Raja

## METODOLOGI

Dalam kajian ini pendekatan kualitatif digunakan untuk mendapatkan penerangan yang terperinci dan mendalam tentang isu-isu yang berkaitan dengan Institusi Raja. Patton (1990), menyatakan pendekatan kualitatif amat berguna dan dapat memberi perspektif yang menyeluruh dalam proses memahami bagaimana sesuatu kejadian itu dilihat dan di tafsir oleh mereka yang terlibat dalam penyelidikan. Dalam kajian ini, perbincangan kumpulan fokus (PKF) digunakan untuk memahami mengapakah wujudnya fenomena yang dibincangkan di atas.

Kaedah perbincangan kumpulan fokus (PKF) adalah kaedah kualitatif yang popular (Signletary, 1994). Menurut Berger (1998), kaedah PKF dapat menemukan data yang pelbagai secara cepat yang dibantu dengan alat rakaman agar pengkaji berupaya menganalisis pendapat dan tingkah laku sampel dengan lebih terperinci. Dalam kajian ini PKF digunakan untuk menganalisis perilaku pelajar dengan lebih mendalam dan keupayaannya memperlihatkan sikap dan pengalaman sebenar para responden kajian terhadap kewujudan isu yang berkaitan dengan Institusi Raja.

Melalui kaedah PKF, pengkaji memilih sekumpulan pelajar yang mempunyai ciri-ciri tertentu untuk mengadakan sesi perbincangan. Ciri-ciri ahli kumpulan yang dipilih adalah berteraskan kepada konsep bahawa mereka mempunyai ciri-ciri *homogeneity* dari segi latar belakang tetapi tidak bersifat *homogeneity* dalam sikap mereka (Goldman, 1962; Corfman, 1995). Seramai 10 orang sampel telah dipilih dan dipecahkan kepada dua kumpulan. Jumlah lima sampel bagi setiap kumpulan ini dipilih adalah untuk mewujudkan kedinamikan kumpulan dan membolehkan setiap ahli mengambil bahagian tanpa meninggalkan mana-mana ahli dalam penglibatan perbincangan nanti. Pemilihan ini dibuat berdasarkan pandangan Forsyth (1983), yang meletakkan bahawa lima orang adalah jumlah yang terbaik untuk memperoleh kedinamikan kumpulan yang maksimum. Menurut Lewis (2000), sebahagian besar saiz kumpulan fokus terdiri adalah antara 6-12 orang.

Merton, Fiske dan Kendall (1990), menunjukkan bahawa saiz kumpulan yang ditetapkan dalam perbincangan dalam kumpulan berdasarkan kepada dua pertimbangan iaitu tidak boleh begitu besar kerana ini akan menghalang penyertaan ahli kumpulan dalam perbincangan atau tidak begitu kecil sehingga gagal mendapatkan hasil yang dikehendaki. Namun begitu, Stewart dan Shamdasani (1990), menyatakan jumlah sampel juga bergantung kepada tujuan kajian. Bagi Krueger (1988), kumpulan kecil antara 4-6 orang adalah sesuai dan sampel mempunyai banyak perkara yang boleh dikongsi mengenai topik yang dibincangkan. Berikut ialah pecahan kumpulan PKF yang dilakukan oleh pengkaji.

Jadual 1: Pecahan Kumpulan dalam PKF

Kumpulan 1			Kumpulan 2		
Jantina	Bangsa	Jumlah	Jantina	Bangsa	Jumlah
Lelaki	Melayu	1	Lelaki	Melayu	1
	India	1		Cina	2
	Cina	1			
Perempuan	Melayu	2	Perempuan	Melayu	2
Jumlah		5	Jumlah		5

Perbincangan kumpulan fokus dalam kajian ini melibatkan 10 orang pelajar yang terdiri daripada enam pelajar lelaki yang berbangsa Melayu (2 orang), Cina (3 orang) dan India (seorang). Baki adalah pelajar perempuan seramai empat orang yang terdiri daripada bangsa Melayu. Dalam kajian ini pengkaji memilih sampel daripada universiti yang sama. Terdapat pengkaji yang menyatakan perbincangan dalam kumpulan mungkin menjadi lebih selesa dan spontan sekiranya melibatkan rakan sekelas, rakan sekerja atau kenalan rapat (Bers, 1994).

Glesne dan Peshkin (1992), juga menunjukkan penglibatan remaja dalam perbincangan memerlukan teman bagi menggalakkan mereka untuk bercakap serta sesetengah topik dapat dibincangkan dengan baik jika sampel mengenali antara satu sama lain. Setiap perkara yang dinyatakan oleh ahli kumpulan merupakan data penting dalam PKF dan kaedah ini memberi peluang untuk berkongsi dan membuat perbandingan tentang pengalaman dan pandangan peserta serta memberi peluang untuk berbual-bual tentang perkara yang terjadi dalam dunia sebenar.

## DAPATAN KAJIAN

### 1. Mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap Institusi Raja

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, data telah dianalisis dengan menggunakan perbincangan kumpulan fokus tentang isu-isu yang berkaitan dengan Institusi Raja. Semasa diajukan soalan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap Institusi Raja, pelbagai maklum balas diperoleh daripada perbincangan tersebut. Dapatan perbincangan menunjukkan responden tidak berhadapan dengan kesukaran dalam menterjemahkan pengetahuan mereka terhadap kewujudan Institusi Raja. Mereka berupaya untuk menjelaskan perkaitan Institusi Raja dengan sistem pemerintahan negara ini. Dapatan ini menunjukkan bahawa tidak semua generasi Y mempunyai sikap seperti tidak ambil peduli dan kurang meminati sejarah pembinaan negara. Malah dapatan juga menunjukkan mereka menyedari kepentingan Institusi Raja kepada negara ini seperti mengekalkan perpaduan antara kaum. Malah mereka juga melihat Institusi Raja sebagai pencetus dan menjadi dasar kepada identiti tanah air kita. Berikut adalah antara pandangan yang telah diberikan oleh responden-responden semasa sesi perbincangan dijalankan:

“Pemerintahan Raja-raja Melayu yang diketuai oleh YDPA. Baginda menjaga dan memelihara hak-hak orang Melayu, Cina dan India dengan sama rata”. (P3, 11 Mei 2013)

“Menjaga hak-hak bumiputera dan bukan bumiputera. Dan kuasa teratas di Malaysia.” (P1, 11 Mei 2013)

“Saya rasa Institusi Raja satu lambang untuk menjaga negara kita aman dan damai.” (P5, 11 Mei 2013)

“Saya setuju... Institusi Raja... semua Raja Melayu jadi ketua untuk menjamin keharmonian dan kestabilan negara. Mereka juga jadi ketua agama dan lambang ketuanan atau identiti orang Melayu.” (P6, 11 Mei 2013)

“Yang saya tahu...menjadi pemerintah yang tertinggi dalam negara Malaysia. Semuanya raja-raja Melayu. Raja akan perintah jika negara kita mengalami darurat.” (P8, 11 Mei 2013)

“Merupakan satu sistem yang raja merupakan pemimpin dan mempunyai kuasa-kuasa tertentu untuk melindungi hak-hak rakyat Malaysia.” (P9, 11 Mei 2013)

## **2. Mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap Institut Raja**

Dapatan perbincangan juga menunjukkan bahawa responden menyedari peranan Institut Raja sangatlah penting. Walaupun isu perpaduan antara kaum sentiasa menjadi “panas” apabila “demam politik” negara semakin memuncak, responden sedar bahawa Institut Raja berperanan menjaga kestabilan dan keamanan negara. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa responden sedar bahawa Institut Raja bukanlah sekadar memenuhi nilai sejarah dan nilai sentimental bangsa sebaliknya kehadiran Raja adalah sangat membantu keberkesanan mekanisme semak dan imbang, sekali gus memperkukuh cabang-cabang eksekutif, perundangan dan kehakiman di dalam negara. Mereka juga jelas mengenai peranan Institut Raja sebagai tonggak kestabilan, sumber keadilan, teras perpaduan - payung penyatuan, berperanan mengukuh dan mengekalkan amalan demokrasi di negara ini. Perkara ini dapat dijelaskan melalui pandangan responden-responden berikut:

“Memastikan keamanan di setiap negeri serta menjaga hak asasi setiap kaum. Merupakan pemerintah di setiap negeri. YDPA merupakan ketua negara”. (P1, 11 Mei 2013)

“Sebagai ketua negara dan juga ketua agama Islam....” (P2, 11 Mei 2013)

“Penting dalam keamanan iaitu mengawal dan menstabilkan keadaan negara atau negeri dibawahnya. Menjaga hak dari semua aspek seperti keselamatan, ekonomi dan sebagainya.” (P4, 11 Mei 2013)

“Menjaga kepentingan dan kebajikan setiap rakyat. Ketua kepada angkatan tentera dan ketua agama islam.” (P8, 11 Mei 2013)

“...ada 3 peranan...menjaga dan memerintah secara adil dan memelihara hak rakyat Malaysia, menjaga keamanan negara dan membuat keputusan yang penting untuk negara dan rakyat.” (P9, 11 Mei 2013)

“Institusi Raja berperanan untuk memastikan kepentingan kesemua kaum yang ada di Malaysia dan memastikan hak-hak mereka dijaga dan dipelihara tanpa mengira bangsa dan budaya.” (P10, 11 Mei 2013)

Selain itu dapatan juga menunjukkan bahawa responden mengetahui peranan Institusi Raja bukanlah hanya menjaga kepentingan kaum Melayu saja sebaliknya turut menjaga hak dan kepentingan kaum-kaum lain di Malaysia. Apabila tafsiran ini difahami oleh generasi muda, bahawa kewujudan Institusi Raja di Malaysia tidak hanya berfokuskan kepada Kaum Melayu semata-mata tindakan ini akan membawa kepada toleransi antara kaum mengenai pemahaman terhadap asas-asas fundamental dalam Perlembagaan. Responden memahami akan erti kehidupan bernegara dan menerima asas sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan.

### 3. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap isu-isu menghina Institusi Raja

Dalam situasi terdapatnya pihak-pihak tertentu yang mempertikaikan, memprotes dan memberi komen yang bernada negatif terhadap Institusi Raja sama ada secara senyap dan terbuka, dapatan perbincangan menunjukkan responden tidak bersetuju dengan tindakan pihak-pihak ini. Bagi mereka pihak-pihak yang sengaja mencetuskan kontroversi ini seolah-olah melacurkan pemikiran umum dengan tindakan mereka demi untuk mencapai matlamat sempit kumpulan. Lebih jauh lagi mereka juga mentafsirkan bahawa tindakan seperti ini boleh diibaratkan sebagai tanda tidak menghormati pemimpin. Malah responden daripada pelajar menunjukkan kematangan mereka dalam menilai dan mentafsir sesuatu yang mereka lihat.

Dapatan ini dapat dilihat pada perenggan kedua iaitu *“Mereka tidak faham tentang peranan Institusi Raja dalam memastikan kestabilan dalam negara, mereka tidak tahu bahawa Institusi Raja merupakan salah satu faktor yang memastikan bahawa keadaan negara tidak menjadi huru-hara. Mereka harus diberi kefahaman yang lebih lanjut demi menukar pandangan mereka terhadap Institusi Raja dan lebih cintakan negara mereka.”* (P2, 11 Mei 2013). Kenyataan ini sekali gus menempelak golongan tertentu yang suka mencipta provokasi terhadap Institusi Raja di negara kita. Kesedaran bahawa pemikiran rakan-rakan mereka yang negatif itu perlu diubah serta di beri kefahaman baru yang lebih jelas merupakan sesuatu yang dapat dibanggakan kerana generasi muda sendiri merasakan pemikiran yang melencong itu perlu dibetulkan semula.

Dapatan juga menunjukkan asas pengetahuan generasi Y juga menjadi asas bagaimana persepsi mereka di luahkan. Kenyataan di perenggan terakhir yang mempertikaikan pengetahuan berkaitan Institusi Raja dalam kalangan generasi Y ini menggambarkan hakikat tersebut. *“Pada pandangan saya, sesetengah pihak yang menghina Institusi Raja ini merupakan golongan yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam tentang institusi ini. Mereka tidak tahu akan peranan pentingnya kewujudan Institusi Raja. Minda mereka telah diracun dengan pelbagai aspek yang lain dan menghalang mereka berfikir dengan matang. Mereka harus dididik dan diberitahu akan peranan Institusi Raja. Sememangnya kita tidak harus menghina Institusi Raja”.* (P10, 11 Mei 2013). Sekiranya perkara ini disedari oleh generasi Y terutamanya pelajar IPT, adalah

diharapkan pemahaman ini akan membantu usaha-usaha pelbagai pihak untuk memperkasakan dan memartabatkan peranan Institusi Raja dalam masyarakat dan di negara kita. Berikut adalah respons responden terhadap pihak-pihak yang menghina Institusi Raja.

*"Pada pendapat saya, pihak yang melakukan perkara sedemikian, adalah pihak yang tidak tahu menghormati orang lain dan tidak bersyukur dengan kewanitaan yang ada sekarang. Perbuatan mereka telah menimbulkan provokasi, seterusnya membangkitkan kemarahan orang lain. Jika perkara ini terjadi, tidak mustahil negara kita akan timbul rusuhan...perbalahan sesama sendiri. Raja itu sendiri adalah pemimpin kita, tidak sepatutnya Raja dipersenda dan dihina tetapi harus dihormati". (P1, 11 Mei 2013)*

*"Mereka tidak faham tentang peranan Institusi Raja dalam memastikan kestabilan dalam negara, mereka tidak tahu bahawa Institusi Raja merupakan salah satu faktor yang memastikan bahawa keadaan negara tidak menjadi huru-hara. Mereka harus diberi kefahaman yang lebih lanjut demi menukar pandangan mereka terhadap Institusi Raja dan lebih cintakan negara mereka." (P2, 11 Mei 2013)*

*"...tidak elok jika raja dipersenda dan dihina kerana raja merupakan lambang sesebuah negara." (P4, 11 Mei 2013)*

*"Pada pendapat saya mereka yang menghina Institusi Raja adalah tidak patut. kenapa? Kerana asalnya Tanah Melayu ini kita telah menggunakan sistem pemerintahan beraja. Setelah negara kita dijajah, pihak luar telah memansuhkan sistem pemerintahan beraja dan digantikan dengan residen. Dan pada hari ini walaupun Perdana Menteri layak mentadbir sesebuah negara, fungsi YDPA masih lagi diutamakan dalam beberapa aspek dan hal." (P8, 11 Mei 2013)*

*"Pada pandangan saya, sesetengah pihak yang menghina Institusi Raja ini merupakan golongan yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam tentang institusi ini. Mereka tidak tahu akan peranan pentingnya kewujudan Institusi Raja. Minda mereka telah diracun dengan pelbagai aspek yang lain dan menghalang mereka berfikir dengan matang. Mereka harus dididik dan diberitahu akan peranan Institusi Raja. Sememangnya kita tidak harus menghina Institusi Raja". (P10, 11 Mei 2013)*

## KESIMPULAN

Bermula dari Demang Lebar Daun dalam *Sejarah Melayu* hinggalah wujudnya Kesultanan Melayu Melaka yang masyhur dan sehingga ke hari ini, Institusi Raja masih kekal relevan. Institusi Raja adalah simbol kedaulatan negara dan rakyat Malaysia. Kemerdekaan negara yang mencecah 56 tahun menunjukkan negara telah mencapai kemajuan yang membanggakan dan mengalahkan negara-negara lain yang seusia merdeka dengan negara kita. Sama ada kita suka atau tidak, kemajuan tersebut dicapai atas peranan yang dimainkan Institusi Raja yang wujud dalam konteks undang-undang,



perlembagaan serta sistem pemerintahan dalam negara kita. Seharusnya Institusi Raja wajar dipertahankan kerana Institusi Raja adalah penerusan tradisi untuk mengekalkan identiti negara bangsa, satu lambang kedaulatan iaitu payung mahkota negara.

## RUJUKAN

- Corfman, K.P. (1995). The importance of member homogeneity to focus group quality. *Advances in consumer research*, 22, 354-359.
- Fuad Hassan (2011). Rakyat dan Pemerintah: Hak dan Tanggungjawab dalam Merealisasikan Gagasan 1 Malaysia. Dalam *Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia*. Centre For Global Concerns.
- Forsyth, D.R. (1983). *An introduction to group dynamics*. Monterey: Brooks/Cole.
- Glesne, C., & Peshkin, A. (1992). *Becoming qualitative researchers: An introduction*. New York: Longman.
- Goldman, A.E. (1962). The group depth interview. *Journal of marketing*, 7, 61-68.
- Kreuger, R.A. (1988). *Focus groups: A practical guide for applied research*. London: Sage.
- Kurniawati Kamarudin (2012). Bangkitkan Semangat Merdeka Generasi Muda. Dicapai [http://web6.bernama.com/bernama/v3/bm/news\\_lite.php?id=690139](http://web6.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=690139)
- Lancaster, L. C., & Stillman, D., (2003). *When Generations Collide*. New York, NY, Harper Business.
- Lewis M. (2000). *Focus Group Interviews in Qualitative Research: A Review of the Literature*. Action Research E-Reports, 2. Diperoleh pada 23 Ogos 2010 dari <http://www.fhs.usyd.edu.au/arow/arer/002.htm>
- Merton, R.K., Fiske, M., & Kendall, P.L. (1990). *The focused interview: A manual of problems and procedures* (2nd eds). London: Collier MacMillan.
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*. (2nd ed.). London: Sage.
- Sidek Baba (2012). Pentingnya subjek Sejarah diperkasa. Utusan Malaysia 24/09/2012.
- Stewart, D.W., & Shamdasani P.M. (1990). *Focus groups: Theory and practice (Applied Social Research Methods Series)*. Newbury Park, CA: Sage.
- Singletary, M. (1994). *Mass communication research: Contemporary methods and applications*. White Plains, NY: Longman

